



## KENYATAAN MEDIA KETUA PENGARAH KUALITI ALAM SEKELILING

### PEMAKLUMAN TENTANG PENGISYTIHARAN LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA DI NEGERI SELANGOR, PAHANG DAN JOHOR

**3 MAC 2021, PUTRAJAYA** - Saya, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 29AA(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001, dengan ini memaklumkan bahawa kawasan-kawasan di seluruh Negeri **Selangor, Pahang dan Johor** diisytiharkan sebagai kawasan **Larangan Pembakaran Terbuka** berkuatkuasa **SERTA MERTA** sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Mereka yang sabit kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Berikutan dengan pemberitahuan pengisytiharan ini, semua pihak dilarang sama sekali melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol **1-800-88-2727** atau melalui eAduan di laman sesawang <https://eaduan.doe.gov.my>.

**NORLIN JAAFAR**  
**Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia**  
Dikeluarkan pada 3 Mac 2021